



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PENIPUAN BAYARAN CUKAI DAN DUTI SETEM KONTRAK PALSU

Kementerian Kerja Raya (KKR) berterusan memandang serius kes penipuan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan nama KKR sebagai subjek dalam aktiviti jenayah penipuan mereka.

Modus Operandi yang digunakan adalah suspek menghubungi mangsa dengan menggunakan telefon atau surat (palsu) yang menawarkan kontrak tertentu samaada kaedah rundingan terus atau tender daripada KKR. Selain itu, terdapat juga kes dimana mangsa dikehendaki membayar sejumlah wang untuk menjelaskan Cukai Rasmi dan Duti Setem bagi meluluskan kontrak palsu yang ditawarkan.

Terdapat juga kes, suspek yang menyamar sebagai pegawai KKR meminta supaya memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun peribadinya sebagai wang pendahuluan untuk tujuan "membantu" mangsa memproses atau mendapatkan projek atau kontrak daripada KKR ataupun Jabatan Kerja Raya (JKR).

Terkini, satu kes penipuan melibatkan nama Menteri Kerja Raya, penggunaan kepala surat rasmi KKR yang diyakini palsu telah dikesan dan digunakan oleh suspek. Sijil palsu tersebut dipercayai disasarkan kepada kontraktor luar/asing berdasarkan kandungan sijil yang menyatakan mangsa perlu menjelaskan Cukai dan Duti Setem Kerajaan. (Seperti dilampirkan).

Sehubungan itu, satu laporan polis telah dibuat pada 19 September 2017, di Balai Polis Dang Wangi, Kuala Lumpur sebagai langkah pencegahan dan keseriusan KKR terhadap isu penipuan ini.

KKR menyarankan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati dan berwaspada sekiranya menerima tawaran kontrak yang mencurigakan daripada pihak yang mengaku sebagai wakil Kementerian. Hubungi segera Unit Komunikasi Korporat (UKK) KKR di talian 03- 27714613 /4623 atau emel : [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my) untuk mendapatkan pengesahan dan laporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN KERJA RAYA  
19 SEPTEMBER 2017**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | [Pro@kk.gov.my](mailto:Pro@kk.gov.my)